

23/06/1997

Keikhlasan BN bawa manfaat

TAWAU, Ahad - Keikhlasan pemerintahan Barisan Nasional (BN) di negeri ini terbukti membawa manfaat kepada penduduk di samping mengekalkan keamanan dan perpaduan pelbagai kaum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata ia terbukti melalui penggiliran kuasa Ketua Menteri membabitkan semua kaum.

"Justeru, penduduk harus sedar budaya toleransi dalam Kerajaan BN berniat baik, semata-mata mahu menyaksikan perpaduan semua kaum dapat dieratkan," katanya pada Majlis Bersama Rakyat di Kilometer 6.4, Balung, dekat sini, malam semalam.

Beliau menyifatkan pucuk pimpinan negeri lalu jelas mengutamakan satu kaum tertentu sahaja menyebabkan masyarakat lain ketinggalan serta mewujudkan perpecahan penduduk.

Berikutan itu, Mohd Shafie menggesa penduduk negeri ini terus memberikan mandat dan kepercayaan kepada pemerintahan BN untuk memastikan pembangunan berterusan.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya menaikkan martabat Malaysia dan rakyat wajar berbangga serta menyokong penuh pemerintahan sedia ada.

"Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk terus mengekalkan pemerintahan BN supaya pembangunan serta taraf ekonomi negara berkembang maju," katanya.

Selain itu, beliau mahu penduduk serta pemimpin terus memelihara semangat berjuang membangunkan negeri.

(END)